

11 MAY 2000

Mahathir-Taksub

POPULARITI UMNO MEROSOT KERANA KETAKSUBAN ANGGOTA PARTI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Rakyat semakin bosan dengan Umno kerana ketaksuban anggotanya untuk mendapat tempat dalam Majlis Tertinggi apabila usaha sepatutnya ditumpukan ke arah mempopularkan parti terutama selepas prestasi merosot Umno pada pilihan raya umum November lepas, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jagalah perangai kita. Rakyat semakin bosan dengan tingkah laku Umno. Kesannya ...prestasi kita teruk dalam pilihan raya lepas. Kita patut tumpukan tentang bagaimana untuk membantu parti menjadi lebih popular tetapi apa yang kita lihat adalah mereka yang terlalu taksub mahu dipilih dalam Majlis Tertinggi.

"Mereka tidak peduli apa yang mereka lakukan. Mereka guna wang, mereka berkempen dalam cara yang begitu buruk dan akibatnya parti tidak mendapat sokongan dan itu yang sepatutnya mereka lakukan ketika ini..." katanya pada persidangan berita di akhir hari pertama perhimpunan agung Umno di sini.

Katanya rakyat berpendapat bahawa tingkahlaku sesetengah anggota Umno yang ingin sangat mendapat tempat, menyebabkan rebutan serta salahguna wang telah menimbulkan kurang kepercayaan rakyat kepada Umno dan menyebabkan mereka meluat kepada Umno.

Ini adalah satu kenyataan yang tidak boleh dipandang ringan oleh Umno.

Menurut Perdana Menteri, kalau Umno masih lagi melakukan sesuatu yang tidak diingini, maka perasaan meluat itu akan menjadi lebih kuat dan sokongan kepada Umno akan berkurangan.

Memandangkan semua orang mahu menjadi anggota Majlis Tertinggi, mereka tidak kisah apa yang mereka lakukan.

"Jika kita kata mereka tidak boleh berkempen, mereka marah. Tetapi rakyat memerhatikan kita dan mereka lihat kita terlalu taksub mahu menjadi anggota Majlis Tertinggi dan mereka meluat dengan ketaksuban kita," katanya.

-- BERNAMA

SHO RON